

UMS, PERKESO lebarkan jaringan usaha sama

UB 23.09.2022 P.02

Oleh Vivi Oliviana Najurus

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membuka laluan kepada pelbagai kolaboratif strategik antara kedua-dua belah pihak untuk manfaat komuniti di Sabah.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni kerjasama ini akan menyokong usaha UMS dan PERKESO untuk memperluaskan kemudahan rehabilitasi di Sabah menerusi penyediaan kemudahan tersebut di Hospital UMS.

Katanya usaha murni ini dilihat bakal memberikan manfaat bukan sahaja kepada Orang Berinsurans (OB) di bawah PERKESO, malah kepada seluruh masyarakat setempat untuk mendapatkan rawatan rehabilitasi di kampus UMS.

“Pemeteraian MoU ini juga akan merintis kolaboratif dua hala dalam aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi dalam pelbagai bidang.

“Ianya juga meliputi bidang perubatan rehabilitasi,



MOU: Raman (tiga kanan) dan Mohammed (tiga kiri) saling bertukar dokumen MoU dengan Luqman (kanan).

PERKESO komited dalam mempromosi, meningkatkan kesedaran serta menambah baik akses kepada rawatan rehabilitasi yang berkualiti khususnya di negeri di bawah bayu ini.

“Skop kerjasama yang menyeluruh ini bakal memberikan impak yang signifikan terutamanya dalam menangani masalah utama mendapatkan rawatan rehabilitasi iaitu tanggungan kos rawatan pesakit.

“Dengan wujudnya pembiayaan melalui skim-skim yang ditawarkan oleh pihak

diperkenalkan pada 2007 hingga 16 September tahun ini, seramai 49,851 orang peserta RTW berjaya dibantu untuk kembali semula ke alam pekerjaan.

“Kami yakin kerjasama dengan UMS ini akan dapat membantu lebih ramai pencarum untuk berdikari dan kembali produktif,” katanya.

Selain itu menerusi kerjasama dua-hala ini juga, PERKESO berhasrat untuk membangunkan sebuah Pusat Satelit MYFutureJobs di kampus UMS.